

DBKL sita barang niaga warga asing ingkar arahan

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyita peralatan niaga lima warga asing di bahu jalan dan kawasan awam di Jalan Raja Alang, Kampung Baru, di sini, kelmarin.

Ia susulan penjaja makanan serta minuman warga Indonesia dan Thailand yang ingkar arahan untuk mengosongkan tapak perniagaan.

DBKL dalam kenyataan semalam, berkata pihaknya merampas 25 barangan dan peralatan perniagaan termasuk khemah, gerai, kerusi plastik, payung, dulang besi serta dapur, selain pasport dan telefon bimbit milik

warga asing yang melarikan diri ketika tindakan sitaan.

Katanya, semua barang itu ditempatkan di stor DBKL di Jalan Lombong, Cheras untuk proses penyimpanan dan dokumentasi.

“Tindakan sita dan rampasan barang mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) 3(1), UUK Pelesenan Penjaja Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) 2016 serta Akta Kerajaan Tempatan 1976.

“Kita akan meneruskan tindakan ini mengikut bidang kuasa, peruntukan undang-undang serta prosedur operasi standard (SOP) DBKL,” katanya.



DBKL menyita peralatan perniagaan milik warga asing yang beroperasi di Jalan Raja Alang, Kampung Baru, kelmarin. (Foto ihsan Facebook DBKL)